



LEBIH 3,000 DIPINDAH AKIBAT BANJIR

EKORAN banjir yang melanda Perlis, Kedah dan Terengganu, lebih 3,000 penduduk di negeri terlibat terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir sejak awal pagi semalam.

Kelantan pula diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga kerana hujan dijangka berterusan sejak Sabtu lalu.

Pihak berkuasa juga telah bersiap sedia menghadapi bencana itu

dengan menyediakan pusat pemindahan bagi menempatkan mangsa banjir di negeri terbabit.

● **MANGSA** banjir dipindahkan dengan bot oleh pihak Bomba dan Penyelamat Perlis di Kampung Batu Bertangkup, Chuping, Padang Besar, semalam. [Berita di muka 16] - UTUSAN/FAIZAL ABU HASSAN



ANGGOTA Jabatan Pertahanan Awam memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan setelah rumah mereka ditenggelami air di Kampung Tiung, Kota Bharu, semalam.



SEBAHAGIAN mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup, Chuping, Padang Besar, semalam.

Kelantan dijangka banjir hari ini jika hujan berterusan

Tengkujuh: 3 negeri dilanda banjir

KUALA LUMPUR 1 Nov. – Hujan lebat sejak Sabtu lalu yang berterusan hingga hari ini menyebabkan beberapa kawasan di Perlis, Kedah dan Terengganu dinaiki air.

Ekoran itu, beribu-ribu penduduk mula dipindahkan ke pusat pemindahan dan keadaan dijangka bertambah buruk.

Walaupun tiada mangsa dipindahkan di Kelantan, paras air di dua buah sungai iaitu Sungai Kelantan dan Sungai Golok kini melepasi paras bahaya.

DI PERLIS, seramai 1,218 penduduk di Padang Besar, Arau dan Kangar telah dipindahkan ke 14 pusat pemindahan berikutan keadaan banjir yang semakin buruk.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Abdullah Ali memberitahu, sehingga pukul 6 petang ini, mereka yang terlibat termasuk 921 orang daripada 226 keluarga di Padang Besar yang dipindahkan ke lima pusat pemindahan banjir di daerah berkenaan.

Katanya, mereka terdiri daripada 112 mangsa yang ditempatkan di Dewan Titi Tinggi Hilir, Pusat Khidmat Mata Ayer (30), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Jaafar Hassan (386), Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Bertangkup (324) dan seramai 69 mangsa lagi di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Beseri.

“Dua lagi pusat pemindahan banjir iaitu Guar Nangka dan SMK Tengku Fauziah di daerah yang sama turut dibuka untuk mangsa banjir namun sehingga kini jumlahnya belum diketahui,” katanya.

Beliau berkata, di Arau, seramai 84 mangsa daripada 22 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir iaitu Dewan Sivik Arau (60), Dewan Kampung Titi Besi (17) dan seramai tujuh lagi di Dewan Kubang Gajah.

Di Kangar pula, seramai 32 mangsa banjir daripada enam keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan (SK) Sena.

Sementara itu, beberapa jalan utama iaitu Jalan Sahabat, Kaki Bukit di Padang Besar ditutup sejak pukul 11 pagi ini berikutan air di kawasan paya berhampiran melimpahi jalan tersebut.

Turut ditutup Jalan Besar Arau-Kodiang manakala Jalan Kangar-Arau berhadapan SMK Sheikh Ahmad hanya dibuka kepada kenderaan berat sejak pukul 5 petang ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir. Nishad Mohamed Mohd. Shaffy berkata, air di Empangan Timah Tasoh telah melepasi paras bahaya iaitu 29.81 meter berbanding tahap selamat 29.6 meter.

Katanya, bermula pukul 8 malam tadi, JPS membuka empat pintu empangan untuk melepaskan air dan

membuka enam lagi pintu pada pukul 3 petang ini.

DI KEDAH, kira-kira 2,000 penduduk di dua daerah terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara setelah rumah mereka dinaiki air.

Kejadian itu masing-masing melibatkan lebih 1,400 orang di daerah Padang Terap dan hampir 500 mangsa di daerah Kubang Pasu.

Sehingga pukul 5 petang ini juga, dua lagi daerah iaitu Kota Setar dan Pokok Sena diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dengan pusat pemindahan banjir turut dibuka.

Menurut jurucakap bilik gerakan banjir Padang Terap, seramai 1,449 orang daripada 358 keluarga di daerah ini terpaksa ditempatkan di 28 pusat pemindahan banjir akibat kejadian berkenaan.

Katanya, kawasan yang terjejas teruk adalah Kampung Padang Gelanggang, Kampung Semilang, Kampung Rambutan dan Kampung Tanjung.

“Sungai Padang Sanai mencapai paras 35.83 meter manakala Sungai Padang Terap mencapai 19.81 meter. Kedua-duanya melepasi paras bahaya,” katanya.

Di daerah Kubang Pasu pula, jurucakap bilik gerakan banjir memberitahu, kira-kira 491 orang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir yang

dibuka hari ini.

Sementara itu, laluan di kedua-dua arah di Kilometer 10, Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Balai Polis Changlun di sini ditutup sementara kepada kenderaan ringan mulai pukul 2.15 petang ini kerana dinaiki air setinggi dua meter.

DI TERENGGANU pula, hujan yang berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan rendah di Besut menghadapi masalah saliran sekali gus mengakibatkan banjir kilat.

Kawasan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Akar di Hulu Besut, SK Tanah Merah dan SK Bukit Puteri di Jerneh, SK Gong Bayor di kawasan Kampung Raja dan SK Kampung Nangka di Kuala Besut turut dinaiki air hampir 0.5 meter.

Banjir kilat juga menyebabkan laluan antara Jerneh ke Bukit Payong di Hulu Besut terputus apabila jalan di Gertak Jerbong di Kampung Pasir Akar ditenggelami air antara 0.3 hingga satu meter pagi ini dan hanya boleh dilalui kenderaan berat.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir Besut, hujan yang melanda selama dua hari di kawasan berkenaan mengakibatkan banjir kilat di kawasan tersebut.

Ekoran itu juga, seramai 40 penduduk daripada 10 keluarga di Kampung Dalam Umar, Tok Renek berpindah ke pusat pemindahan di Balai Raya Tok

Renek dan SK Anak Ikan, Jabi.

Seramai lapan orang masih ditempatkan di Surau Kampung Bunga, Kuala Besut selepas rumah mereka yang terletak di kawasan pantai terdedah pada angin kuat.

Menurut laman web JPS negeri, paras air di dua buah sungai di daerah Besut dan Setiu mula melepasi paras biasa.

Sungai Besut di Kampung La menunjukkan peningkatan apabila ia melepasi paras berjaga-jaga iaitu 17.44 meter manakala paras air Sungai Setiu di Ibu Bekalan, Setiu (7.43 meter) berbanding 7.30 meter ketika dicatat pada pukul 3 petang ini.

Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana negeri bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir dengan menyediakan 123 pusat pangkalan hadapan dan 334 pusat pemindahan yang dapat menampung hampir 50,000 mangsa banjir di seluruh negeri.

DI KELANTAN pula, air di Sungai Kelantan dan Sungai Golok melepasi paras bahaya tetapi tidak melimpah.

Pengarah JPS negeri, Abu Bakar Mohd. Yusof berkata, Kelantan berkemungkinan dilanda banjir esok jika hujan berterusan malam ini.

Beberapa pusat pemindahan banjir telah dibuka seperti di Tanah Merah, Kuala Krai, Pasir Mas dan Tumpat.

JKM siap sedia bantu mangsa banjir di Perlis

SEREMBAN 1 Nov. – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk membantu penduduk Perlis yang kini dilanda banjir.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (gambar) berkata, JKM telah diarahkan mengambil langkah-langkah perlu selain menyediakan pusat pemindahan bagi semua keluarga yang terlibat.

“Kita sudah jangka memang berlaku keadaan seperti ini setiap kali musim tengkujuh. Kita minta semua supaya tidak susah hati kerana JKM telah bersiap sedia untuk menghadapi situasi ini.

“Saya juga berharap semua mangsa tidak meletakkan diri dalam keadaan bahaya kerana berdasarkan pengalaman lampau, ramai di kalangan mangsa banjir lebih gemar untuk terus tinggal di rumah ketika kawasan mula dinaiki air.

“Segeralah berpindah ke pusat pemindahan dan bantuan akan diberikan kepada mereka,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Celik Kewangan Maybank - MoneyTree di Kolej Tunku Kurshiah (TKC) di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi MoneyTree Malaysia Sdn. Bhd., Datuk Nik Kamaruddin Ismail; Naib Presiden Eksekutif Perkhidmatan Kewangan Komuniti Maybank, Choong Wai Hong dan Pe-



ngetua TKC, Che Kamaliah Endud.

Shahrizat diminta mengulas mengenai persiapan JKM dalam menghadapi banjir yang kini melanda kawasan sekitar Perlis.

Mengulas mengenai Pilihan Raya Kecil Parlimen Batu Sapi, Shahrizat turut meminta pengundi di kawasan tersebut menolok slogan ‘Sabah untuk rakyat Sabah’ yang dibawa oleh calon pembangkang daripada Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee kerana ia tidak relevan.

Katanya, slogan Teck Lee itu memperlihatkan pemimpin tersebut sudah ketandusan idea dan hanya akan menimbulkan semangat

kenegerian yang jelas bertentangan dengan konsep 1Malaysia.

“Saya nampak di Batu Sapi mesej 1Malaysia disambut baik oleh penduduk dan pengundi di sana.

“Saya yakin idea lapuk SAPP tidak akan diterima oleh pengundi kerana mesej SAPP seperti itu tidak akan membawa rakyat ke arah yang lebih baik.

“Bahkan apa yang dapat kita lihat, semua pemimpin utama dari Sabah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan Timbalan Speaker Dewan Negara, Senator Datuk Armani Mahiruddin,” katanya.

MB sifatkan banjir melanda Perlis terburuk

KUALALUMPUR 1 Nov. – Banjir yang melanda Perlis ketika ini disifatkan sebagai bencana terburuk dalam tempoh lima tahun.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu (gambar) berkata, ini kerana purata hujan yang dicatatkan dalam tempoh empat jam melebihi sukatan 110 milimeter.

“Kawasan yang sebelum ini tidak pernah dilanda banjir juga turut terjejas iaitu di Mata Ayer dan Bintong.

“Saya difahamkan jumlah mangsa yang dipindahkan turut meningkat,” katanya selepas menghadiri majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Pendidikan kepada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin



Putra Jamalullail daripada Universiti La Trobe, di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan telah mengambil tindakan segera apabila 14 buah pusat pemindahan banjir dibuka sejak pukul tiga pagi ini.

“Tengah hari tadi, kita buka enam pintu utama Empangan Timah Tasoh yang airnya melebihi paras bahaya dan tindakan ini diambil untuk mengelakkan berlaku kejadian empangan pecah yang dikhuatiri akan memburukkan lagi keadaan,” katanya.

Perlis kini dilanda banjir berikutan hujan lebat sejak Sabtu lalu dengan

jumlah penduduk yang dipindahkan ke 14 pusat pemindahan banjir mencecah 1,218 orang membabitkan tiga daerah iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar.

Sementara itu, Md. Isa turut menasihatkan orang ramai supaya mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya situasi memerlukan mereka berpindah.

“Keadaan agak bahaya kerana di beberapa kawasan ada kejadian jambatan dihanyutkan arus di Simpang Empat dan saya berharap ibu bapa dapat mengawasi anak mereka.

“Semua agensi kerajaan kini sudah mula menghulurkan bantuan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan saya sendiri akan bergegas balik ke Perlis selepas ini untuk memantau keadaan,” katanya.

TNB potong bekalan di kawasan banjir

ALOR SETAR 1 Nov. – Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa memotong bekalan elektrik melibatkan beberapa kawasan di daerah Padang Terap dan Kubang Pasu hari ini atas sebab-sebab keselamatan berikutan banjir yang melanda.

Pengurus Kawasan TNB Alor Setar, Abdul Aziz Yaacob memberitahu, Loji Air Padang Sanai telah ditenggelami air dan menyebabkan bekalan elektrik terpaksa dipotong bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Kawasan yang terjejas akibat pemotongan bekalan elektrik itu adalah Taman Akasia, loji air baru, rumah pam air mentah, Kampung Baru Padang Sanai, Kampung Padang Sanai,

Empangan Ahning, Kompleks Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Durian Burung, rumah pam Durian Burung dan Balai Polis Durian Burung.

“Bekalan elektrik ke kawasan-kawasan ini dipotong pada pukul 5.30 petang dan ia akan menjejaskan kira-kira 1,000 pengguna,” katanya ketika dihubungi lewat petang ini.

Sementara itu, kata Abdul Aziz, di daerah Kubang Pasu, bekalan elektrik turut dipotong di Pekan Changlun, Taman Syang Changlun, Sungai Kelian, rumah pam Jalan Kodiang, sekitar Sekolah Menengah Yip Min, Kampung Kubang Betong, Changkat Nibong, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun, Changkat Se-

tul, Kampung Biak, Kampung Baru Sintok dan Titi Kerbau.

Kata beliau, bekalan elektrik di kawasan berkenaan dipotong kira-kira pukul 3.30 petang selepas pencawang TNB Jitra ditenggelami air melibatkan lebih 491 pengguna.

Abdul Aziz berkata, bekalan elektrik akan disambung semula di kawasan berkenaan sebaik sahaja paras air surut atau tidak menandatangani bahaya kepada pengguna.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan banjir dengan meletakkan kakitangannya dalam keadaan berjaga-jaga di bilik-bilik gerakan yang dibuka 24 jam oleh pihak Pejabat Daerah di kawasan terlibat.